

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 NOVEMBER 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6

## Kad subsidi bersasar antara dipertimbang



KERAJAAN akan mengumumkan mekanisme terbaik pelaksanaan subsidi bersasar selepas Jemaah Menteri berbincang bulan ini. - GAMBAR HIASAN

# Kaedah terbaik akan diputuskan Jemaah Menteri Kad subsidi bersasar antara dipertimbang

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** - Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memberitahu, setakat ini terdapat tiga kaedah akan dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri bagi pemberian subsidi bersasar.

Rafizi berkata, mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar dijangka diputuskan oleh Jemaah Menteri bulan ini sebelum ia dapat dilaksanakan selepas Mac 2024.

Jelas beliau, pertama adalah mengikut kelayakan pendapatan boleh belanja bersih kepada individu menerusi pendekatan perlindungan sosial.

Kedua, berdasarkan isi rumah melalui pendekatan hibrid iaitu perlindungan sosial serta bantuan sosial dan ketiga isi rumah dan individu menggunakan kaedah kad subsidi.

## DEWAN RAKYAT



Kata beliau, pelaksanaan subsidi bersasar itu hanya dapat dilakukan selepas sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dibuka kepada rakyat bagi membolehkan semakan maklumat serta verifikasi.

"PADU akan hanya dibuka pada Januari 2024 dan tempoh masa untuk rakyat mengemas kini serta mengesahkan maklumat dalam PADU adalah selama tiga bulan," katanya pada sidang

Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) mengenai mekanisme subsidi bersasar di Dewan Rakyat di sini semalam.

Ujar Rafizi, perancangan setakat ini bagi memastikan keseluruhan keputusan, sistem dan kaedah telah disusun sewajarnya sebelum Jemaah Menteri memutuskan tarikh sebenar pelaksanaannya.

Beliau menegaskan, kadar atau jumlah subsidi bersasar berkenaan akan mengambil kira beberapa faktor semasa termasuk unjuran ekonomi sewaktu diputuskan serta faktor lain.

"Kita tak nak sebut awal (mengenai kadar dan jumlah) kerana akan menyebabkan spekulasi inflasi. Ia akan dijelaskan secara berperingkat," katanya.